

BULETIN KNSTP

JASAMU DI KENANG ALLAHYARHAM ZULFAKAR BIN WAHIB (1968-2023)



Saudara Zulfakar Wahib adalah nama yang tidak asing di kalangan pegawai dan kakitangan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Media Prima Berhad dan Koperasi NSTP. Pemergian Allahyarham pada 20 Februari 2023 diusia 55 tahun amat mengejutkan warga kerja Balai Berita dan Koop NSTP.

Beliau dikenali sebagai seorang yang tidak banyak bercakap tetapi mesra bila berbual bicara.

Allahyarham yang lahir pada 15 November 1968, memulakan tugas di Balai Berita, Shah Alam sebagai Pre-Press Operator dan menyertai Koop NSTP pada 15 Disember 1987.

Komitmen Allahyarham dalam gerakan koperasi menyebabkan beliau diberi kepercayaan menyandang jawatan Setiausaha Koop NSTP ketika sesi 2012/2013 sehinggalah beliau meninggal dunia di Hospital Kuala Lipis ketika menghadiri program sumbang saran Koperasi di Cameron Highlands, Pahang.

Di samping itu, Allahyarham juga merupakan Pengerusi Kesatuan Pekerja Akhbar Kebangsaan cawangan NSTP dan juga aktif sebagai Ketua Umno cawangan Kampung Sungai Baru di dalam kawasan Parlimen Titiwangsa, Wilayah Persekutuan. Penglibatan Zulfakar dalam kesatuan dan aktiviti kemasyarakatan banyak membentuk keperibadian beliau yang disenangi ramai pihak sehingga beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat, Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V sempena Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2018.

Sepanjang beliau menjadi Setiausaha Koop NSTP, Allahyarham adalah Ahli Lembaga Koperasi yang komited dan sentiasa memberi buah fikiran untuk kejayaan Koop NSTP. Sumbangan Allahyarham semasa mengemudi Koop NSTP, akan terus dihargai dan diingati.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, 5 orang anak dan 2 cucu. Semoga arwah ditempatkan di kalangan orang yang beriman. Alfatihah (Dibaca).